

Majlis Alumni UKM

Membantu kepimpinan universiti, masyarakat dan negara

Oleh MUHAMMAD I
SHAHIZAM TAZALI
kampus@utusan.com.my

TANGGAL 18 Mei lalu genap usia Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 46 tahun dan empat tahun lagi bakal menyambut Jubli Emas pada 2020.

Sepanjang tempoh itu, UKM telah berjaya melahirkan sebanyak 176,009 lulusan daripada pelbagai bidang pengajian.

Naib Canselornya, **Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali** berkata, seiring usia penubuhannya, institusi pendidikan antara yang tertua di negara ini terus memainkan peranan melahirkan siswazah dan alumni yang menyumbang kepada kejayaan serta pembangunan universiti, masyarakat dan negara.

Katanya, siswazah atau alumni UKM mempunyai kekuatan tersendiri dan perlu mencontohi alumni universiti tertua di dunia seperti Universiti Harvard dan Universiti Oxford dalam memajukan bukan sahaja universiti malah negara.

"Universiti terkemuka itu mempunyai jaringan alumni yang teratur dan sistematik. Segala program dan aktiviti universiti mendapat sokongan daripada alumni mereka, semangat dan budaya seperti itu perlu dicontohi UKM.

"UKM masih belum sampai ke peringkat itu lagi, namun berhasrat meningkatkan kerjasama alumni melalui penubuhan

Majlis Alumni UKM dalam melaksanakan program tanggungjawab sosial bersama warga universiti dan negara.

"Saya melihat alumni UKM hari ini telah berjaya dalam pelbagai bidang kerjaya. Sebahagian daripada mereka menjawat jawatan tinggi di sektor kerajaan dan swasta. Sekiranya UKM berjaya mengumpulkan alumni ini, kerjasama untuk mendukung agenda universiti dan nasional dapat direalisasikan," katanya.

Sementara itu, Noor Azlan berkata, penubuhan Majlis Alumni UKM

merupakan platform berkongsi pengalaman dan kepakaran bagi membantu membangunkan bidang pendidikan universiti sebagai meneruskan kelangsungan pendidikan negara.

"Melalui majlis ini alumni dapat berbincang, bertukar fikiran, merancang aktiviti jaringan sosial pendidikan dan ekonomi selain membantu meningkatkan kecemerlangan akademik bertaraf dunia.

"Alumni UKM mampu menjana pembentukan modal

insan terbaik dan antara elemen yang diperlukan oleh negara bagi ke arah mencapai status negara maju menjelang 2020.

Noor Azlan berkata, bagi menjayakan misi penglibatan alumni, pihak universiti telah mempergiat usaha mengesan alumni di seluruh negara.

"Sejak tahun lalu, pihak universiti telah menjalankan Kajian Evolusi Status Alumni UKM (Kesan) bagi mengumpulkan

data siswazah UKM sejak universiti ditubuhkan. Segala maklumat direkodkan bagi memastikan usaha itu berjaya dijalankan. Data dan maklumat ini merupakan ruang sebagai pencetus dalam menggerakkan penglibatan alumni UKM.

"Harapan saya dan UKM untuk melihat lebih ramai alumni menyertai Majlis Alumni UKM untuk bersama dengan kepimpinan universiti membangunkan mahasiswa agar lulusan yang bakal dilahirkan berupaya membawa nama baik UKM ke persada antarabangsa.

Dalam pada itu, beliau turut menyeru agar alumni universiti itu supaya tidak melupakan sumbangan yang telah diberikan oleh UKM dalam mencorak kehidupan mereka hari ini.

"Hubungan antara alumni seharusnya dapat dieratkan lagi agar pelbagai idea demi pembangunan dan kecemerlangan UKM dapat dijana, sekali gus membantu meletakkan UKM di puncak kejayaan dan persada dunia," katanya.

Menurut Noor Azlan lagi, pemahaman yang salah mengenai alumni juga menyebabkan hasrat untuk

mengumpulkan data alumni tidak berjaya.

"Masyarakat di luar sana mempunyai pandangan yang berbeza apabila mendengar perkataan alumni. Bagi mereka, sebut sahaja alumni, orang akan fikir nak minta duit atau sumbangan.



**DR. NOOR AZLAN
GHAZALI**

